

R B385 BAH
MEGAT - FITNAH

GOPENG, 21 FEB (BERNAMA) -- TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB MENYELAR KALANGAN YANG +SEMAKIN RANCAK MEMFITNAHKAN+ PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENJELANG PERHIMPUNAN AGUNG UMNO APRIL INI.

OLEH ITU ANGGOTA UMNO PERLU BERWASPADA TERHADAP KALANGAN ITU KERANA PERBUATAN BERKENAAN BOLEH MELEMAHKAN PERJUANGAN PARTI, KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN PEMUDA DAN WANITA UMNO BAHAGIAN GOPENG DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA WALAUPUN UMNO TIDAK MENGHALANG PERTANDINGAN MEREbut JAWATAN DALAM PARTI TETAPI PERBUATAN MEMFITNAH ORANG LAIN AMAT TERKUTUK.

DATUK MEGAT JUNID BERKATA ADA KALANGAN YANG MENCACI DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN TUDUHAN KONONNYA BELIAU ORANG YANG PALING KAYA DAN MELAKUKAN PELBAGAI PENYELEWENGAN.

SAMBIL MENAFIKAN TUDUHAN ITU, BELIAU BERKATA PERDANA MENTERI IALAH SEORANG PEMIMPIN YANG SABAN HARI BEKERJA DEMI KEPENTINGAN BANGSA DAN NEGARA.

-- LAGI.

1609MST 22 02 87

D800

R B387 BAH
MEGAT - FITNAH 2 GOPENG

+TAHUKAH TUAN-TUAN BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR SEJAK MENGANGGOTAI KABINET BELUM PERNAH MEMBELI WALAU SATU SAHAM PUN ATAU SEMETER TANAH ATAUPUN SEBUAH RUMAH TERES DI KUALA LUMPUR?

+ADA PULA YANG MENGATAKAN KONONNYA PERDANA MENTERI ADALAH ORANG YANG TERKAYA DAN ITU SEMUA FITNAH,+ KATANYA.

MENGENAI DAKWAAN KONONNYA UMNO KINI TIDAK MENGUASAI KERAJAAN TETAPI KERAJAAN MENGUASA PARTI, DATUK MEGAT JUNID BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK KESAHIHAN DAKWAAN ITU.

BELIAU MENAMBAH SEGALA LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN DIBUAT OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG DIBERI AMANAH OLEH SELURUH ANGGOTA PARTI YANG TELAH MEMILIH MEREKA SECARA DEMOKRASI.

+SEGALA DASAR DAN POLISI NEGARA DIGUBAL BERDASARKAN USUL-USUL YANG DI LULUSKAN OLEH PARTI PADA PELBAGAI PERINGKAT. JADI SAYA TIDAK NAMPAK MENGAPA PERKARA ITU HARUS DIPERSOALKAN LAGI,+ KATA BELIAU. -- BERNAMA.

1615MST 22 02 87